

Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia

**Ku Fatahiyah Ku Azizan
Awatif Abd Rahman
Hairun Najuwah Jamali**

**Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**

ABSTRAK

Bahasa Arab telah lama diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penggunaan teknik yang sesuai akan memudahkan kefahaman pelajar di samping memaksimumkan kemahiran yang diperolehi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur bahasa Arab pelajar di KUIS, USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan seramai 397 orang pelajar terpilih sebagai sampel kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran membaca, bertutur dan menulis berada pada tahap yang tinggi. Manakala kemahiran mendengar pula berada pada tahap yang sederhana. Penguasaan kemahiran asas bahasa yang baik akan membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan baik.

Kata kunci: Kemahiran asas, mendengar, bertutur, membaca, menulis

ABSTRACT

Arabic has long been introduced in the education system in Malaysia. Teaching Arabic in Malaysia has put the goal of enabling students to master the four basic language skills of listening, speaking, reading and writing. Use appropriate techniques will facilitate students' understanding and to maximize the skills acquired. This study aims to identify the four basic language skills of listening, reading, writing and speaking Arabic students at the college, USIM, UniSZA and IIUM Matriculation Center. This study is a survey with a total of 397 students were selected for the study. The findings show that the skills of reading, speaking and writing are at a high level. While listening skills were at a moderate level. Mastery of basic skills in language that will help the student to master the Arabic language well.

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi agama Islam. Bahasa Arab juga merupakan bahasa Al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk memberi petunjuk dan hidayat kepada manusia sejagat. Firman Allah SWT:

﴿ وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا... ﴾

(al-Qur'an, Taha 20: 113)

Maksudnya:

Dan demikianlah Kami menurunkan al-Qur'an dalam bahasa Arab.

﴿ وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَا هُدًى لِقَوْمِكُمَا عَرَبِيًّا ۝ ﴾

(al-Qur'an, al-Ra cd 13: 37)

Maksudnya:

Dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Qur'an itu sebagai peraturan (yang benar) dalam bahasa Arab

Pada hari ini, penutur bahasa Arab dianggarkan melebihi 422 juta di seluruh dunia. Populasi penutur bahasa ini, perkembangannya dan peredaran masa telah meletakkan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa utama dunia. Malaysia juga telah mengorak langkah memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab di semua peringkat pendidikan termasuk di peringkat pengajian tinggi. Ia telah dijadikan salah satu subjek elektif universiti di samping sebagai subjek wajib di beberapa fakulti. Namun, usaha ini tampak pincang bila melihat pencapaian dan penguasaan pelajar dalam bahasa ini. Ia sudah menjadi rahsia umum bahawa penguasaan bahasa Arab di kalangan mahasiswa amat mendukacitakan. Kesalahan dan kesilapan berbahasa masih berleluasa (Al-Muslim & Zamri Arifin, 2012).

Dalam pengajaran bahasa, pada umumnya ada empat kemahiran yang dipentingkan, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. (Mackey, 1974). Oleh itu, pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman, 2011).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa (Nik Mohd Rahimi, 2003). Seseorang pelajar yang mempunyai kemahiran ini dengan baik, kebiasaannya, dapat memahami maksud serta membuat tafsiran daripada apa yang telah didengarinya (Kamarudin Hj. Hussin, 1986). Nik Mohd Rahimi (2005) berpendapat latihan kemahiran mendengar hendaklah dijadikan asas penggabungjalinan antara satu kemahiran dengan kemahiran berbahasa yang lain. Namun, berdasarkan kajian beliau, teknik pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab inilah yang sering diabaikan dan tidak ditekankan dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia. Kenneth Beare (2009) berpendapat bahawa pengajaran kemahiran mendengar merupakan salah satu tugas yang paling berat kepada para pendidik atau guru. Ini kerana kemahiran mendengar yang berjaya memerlukan masa dan penumpuan serta latihan yang banyak.

Dalam pengajaran bahasa Arab, kemahiran mendengar ini amat penting. Dengan kemahiran mendengar, pelajar dapat memahami sesuatu yang didengar dengan betul dan jelas. Kemampuan mendengar yang baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik. Proses pengajaran

untuk mendapatkan kemahiran mendengar ini lazimnya melalui suara guru di dalam kelas. Justeru, kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa yang diwajibkan ke atas para pelajar (Ibtisam & Zamri, 2012).

Kajian Mohd Ja'afar et al. (2006) mendapati kebanyakan guru bahasa Arab tidak menekankan teknik latihan kemahiran mendengar pada teks dengan betul. Kajian beliau mendapati pelajar tidak dilatih mendengar petikan dialog dan jenis naratif secara berasingan atau tanpa melihat teks. Guru bahasa Arab lebih cenderung melatih kemahiran mendengar dan menyebut huruf dan perkataan sahaja. Kemahiran mendengar perlu diajar secara sistematis supaya pelajar akan berkebolehan mendengar secara berkualiti dan seterusnya dapat menggunakan hasil pendengaran untuk berinteraksi dengan anggota masyarakatnya (Yahya Othman, 2005).

Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur pula merupakan kemahiran lisan yang amat penting, sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Kemahiran ini penting bagi seseorang itu dalam hubungannya dengan orang lain. Pertuturan yang diadakan lazimnya membawa maksud tertentu. Keupayaan menuturkan sesuatu bahasa itu dapat mempercepatkan pemahaman pelajar, terutama yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal. Pengajaran dan pembelajaran kemahiran ini memerlukan pendekatan yang sesuai terutama apabila berhadapan dengan kumpulan pelajar yang berlainan, seperti keperluan bagi mempelajari bahasa pertama ataupun bahasa kedua (Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman, 2008).

Sebahagian besar pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya dalam aliran pendidikan Islam masih belum mampu menguasai kemahiran bertutur walaupun telah dapat pendedahan yang luas dalam bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah (Mastura & Kaseh, 2012). Kajian Abd. Halim (2009) juga mendapati faktor-faktor yang menghalang pelajar-pelajar bertutur di dalam bahasa Arab ialah ialah malu bertutur dalam bahasa Arab, merasa rendah diri, tidak yakin pada diri sendiri, takut ditertawakan rakan, takut disindir rakan, tidak bersemangat berkomunikasi dalam bahasa Arab dan takut melakukan kesilapan ketika menggunakan bahasa Arab.

Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca (Yahya 2005). Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif, dan pengalaman membaca.

Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis melibatkan pergerakan mata, pergerakan tangan dan juga kepintaran otak. Ia terbahagi kepada tulisan mekanis dan tulisan kreatif. Tulisan mekanis hanyalah tulisan yang berbentuk peniruan sahaja, sedangkan tulisan kreatif memerlukan kelahiran buah fikiran oleh penulis. Kemahiran menulis ini boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama, iaitu tulisan huruf, *khat* atau menulis perkataan dan karangan. Mempelajari tulisan huruf boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama tulisan secara pindah, iaitu pelajar diajar menulis huruf bahasa Arab yang diberi

petikannya kepada mereka. Berdasarkan kepada keratan petikan ini pelajar menyalin semula ayat yang terdapat dalam petikan tersebut.

Noor Aainah Ag. Jaafar (2007) menyatakan program atau kaedah Salin dan Jalin banyak memberi peningkatan kepada pelajar. Antara sebab-sebab yang perlu diberi perhatian dalam menulis bahasa Arab ialah:

- i. Kesukaran menulis ayat yang bermula daripada kanan ke kiri khususnya kepada mereka yang biasa menulis dari kiri ke kanan.
- ii. Perbezaan menulis huruf Arab daripada huruf rumi yang menjadi huruf kepada kebanyakan bahasa.
- iii. Perbezaan bentuk huruf dalam bahasa Arab dengan terdapatnya perbezaan pada awal perkataan, pertengahan dan akhir.
- iv. Perbezaan bentuk menulis huruf dengan berbeza kedudukannya dalam perkataan seperti huruf ع – ع
- v. Perbezaan bentuk huruf dengan perbezaan jenis penulisan seperti *khat naskh, rik'ah* dan sebagainya.
- vi. Kesukaran juga terdapat kepada beberapa huruf yang ditulis tetapi tidak disebut dan sebaliknya.
- vii. Kesukaran menulis *tanwin*, huruf berganda, *ta' marbutah* dan *ta'* terbuka dan sebagainya.
- viii. Kesukaran yang ketara ialah titik kepada perkataan yang serupa wajahnya seperti titik satu, dua dan tiga. Sebagai contoh huruf ت ب ث . (Muhammad Kamil, 1985: 241-242).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran asas bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Soalan-soalan dalam kajian ini, bagi tujuan memenuhi objektif tersebut, adalah seperti berikut:

- a. Apakah tahap kemahiran mendengar pelajar Institusi PengajianTinggi di Malaysia?
- b. Apakah tahap kemahiran bertutur pelajar Institusi PengajianTinggi di Malaysia?
- c. Apakah tahap kemahiran membaca pelajar Institusi PengajianTinggi di Malaysia?
- d. Apakah tahap kemahiran menulis pelajar Institusi PengajianTinggi di Malaysia?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan pendekatan secara tinjauan. Data kajian dikumpulkan daripada soal selidik kaedah kemahiran asas bahasa Arab di institusi pengajian tinggi yang diedarkan kepada responden. Sampel kajian ialah pelajar-pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab di KUIS, USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM. Sampel kajian yang digunakan ialah seramai 397 orang sahaja. Teknik persampelan yang digunakan ialah secara rawak mudah. Soal selidik ini mengandungi empat konstruk. Bahagian A merangkumi maklumat profil responden kajian. Bahagian B pula mengandungi 10 item soal selidik kemahiran mendengar, bahagian C mengandungi 16 item soal selidik kemahiran bertutur, bahagian D mengandungi 9 item soal selidik kemahiran membaca dan bahagian E mengandungi 14 item soal selidik kemahiran menulis. Skala likert telah dipilih kerana ia mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (Wiersma 2000). Responden juga mempunyai ruang pilihan yang banyak untuk membuat pilihan yang tepat. Pengkaji telah melakukan kajian rintis kepada

soal selidik ini di kalangan 30 orang pelajar yang mengambil bahasa Arab di KUIS. Keputusan kajian rintis yang dijalankan menunjukkan soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu $\alpha = 0.927$.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan dapatan kajian yang telah dijalankan. Jadual 1 menunjukkan jumlah responden institusi yang terlibat. Seramai 100 (25%) orang responden ialah pelajar KUIS, 85 (21%) adalah pelajar UNISZA, 99 (25%) ialah pelajar USIM dan 113 (29%) ialah pelajar Pusat Asasi UIAM.

Jadual 1

Institusi Pengajian Tinggi		
Pemboleh ubah	Frekuensi	Peratusan(%)
KUIS	100	25.2
UNISZA	85	21.4
USIM	99	24.9
Pusat Asasi UIAM	113	28.5

Jadual 2 pula menunjukkan jantina pelajar. Seramai 134 (34%) orang responden ialah pelajar lelaki, manakala 263 (66%) adalah pelajar perempuan.

Jadual 2

Jantina		
	Frekuensi	Peratusan(%)
Lelaki	134	33.8
Perempuan	263	66.2

Jadual 3 menunjukkan latar belakang pelajar samada pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki institusi pengajian tinggi atau tidak. Seramai 335 (84%) orang pelajar pernah mempelajari bahasa Arab sebelum mereka memasuki IPT, manakala 62 (16%) orang tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki IPT.

Jadual 3

Pernah belajar bahasa Arab sebelum ke IPTA/IPTS		
Pemboleh ubah	Frekuensi	Peratusan(%)
Ada	335	84.4
Tiada	62	15.6

Jadual 4 menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar. Seramai 271 (68%) orang pelajar bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana, 60 (15%) orang pelajar berada pada tahap yang lemah, 55 (14%) berada pada tahap yang baik, 10 (3%) berada pada tahap yang sangat lemah dan hanya seorang (0.3%) berada pada tahap yang sangat baik.

Jadual 4 Tahap penguasaan bahasa Arab

Pemboleh ubah	Frekuensi	Peratusan (%)
Sangat baik	1	0.3
Baik	55	13.9
Sederhana	271	68.3
Lemah	60	15.1
Sangat lemah	10	2.5

Jadual 5 menunjukkan tahap penguasaan bacaan Al-Quran pelajar. Seramai 270 (68%) orang pelajar berada tahap yang baik, sementara 61 (15%) orang pelajar berada pada tahap yang sangat baik, manakala 63 (16%) orang pelajar berada pada tahap yang sederhana dan hanya 3 (1%) orang sahaja berada pada tahap yang lemah.

Jadual 5 Tahap penguasaan bacaan Al-Quran

Pemboleh ubah	Frekuensi	Peratusan(%)
Sangat baik	61	15.4
Baik	270	68.0
Sederhana	63	15.9
Lemah	3	0.8

Jadual 6 ialah interpretasi julat skor min menurut Alias (1999). Terdapat 5 tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan skor min iaitu 1.00 hingga 1.80 berada pada tahap sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 berada pada tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21 hingga 5.00 berada pada tahap sangat tinggi.

Jadual 6 Interpretasi Julat Skor Min

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Jadual 7 menunjukkan taburan keseluruhan item bagi konstruk untuk kemahiran mendengar. Ia mengandungi min, sisihan piawai dan interpretasi tahap min. Interpretasi item yang berada pada tahap yang rendah ialah item no 1, 3,4 dan 5. Item no 2 dan 10 berada pada tahap yang sederhana, item no 6 dan 9 berada pada tahap yang tinggi manakala item no 7 iaitu "*Pensyarah saya memperdengarkan ayat atau petikan bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul kepada pelajar-pelajar*" dan item no 8 iaitu "*Pensyarah saya membantu pelajar memahami makna petikan bahasa Arab yang diperdengarkan*" berada pada tahap yang sangat tinggi. Keseluruhan min item bagi kemahiran mendengar ialah berada pada tahap yang sederhana iaitu (min=3.16, sp=0.54).

Jadual 7 Kemahiran Mendengar

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya tidak dibenarkan melihat buku ketika Pensyarah membacakan petikan bahasa Arab	1.96	1.05	Rendah
2	Saya mendengar petikan bahasa Arab melalui bahan audio seperti kaset atau komputer.	2.95	1.38	Sederhana
3	Saya memperdengarkan bacaan petikan bahasa Arab beberapa kali dan pelajar tidak dibenarkan melihat buku	2.46	1.14	Rendah
4	Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika Pensyarah mengemukakan soalan kefahaman	2.42	1.14	Rendah
5	Pensyarah saya memberi arahan tutup buku ketika mengajar bahasa Arab	2.17	1.13	Rendah
6	Pensyarah saya memberi arahan dengar baik-baik sebelum membaca soalan petikan bahasa Arab	4.12	0.80	Tinggi
7	Pensyarah saya memperdengarkan ayat atau petikan bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul kepada pelajar-pelajar	4.28	0.72	Sangat Tinggi
8	Pensyarah saya membantu pelajar memahami makna petikan bahasa Arab yang diperdengarkan	4.36	0.69	Sangat Tinggi
9	Pensyarah saya memperdengarkan ayat bahasa Arab mudah dan disusuli dengan ayat susah	3.98	0.84	Tinggi
10	Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika latihan kemahiran mendengar.	2.90	1.25	Sederhana
Min Keseluruhan		3.16	0.54	Sederhana

Jadual 8 menunjukkan tahap kemahiran bertutur pelajar. Item no 1, 2, 4, 6, 7, 8, 9, 14 dan 16 berada pada tahap yang tinggi. Item no 3, 5, 10, 11, 12 dan 13 berada pada tahap yang sederhana. Manakala item no 15 iaitu "*Pensyarah saya tidak banyak membuat pembetulan kesalahan di dalam pertuturan*"

bahasa Arab” berada pada tahap yang rendah iaitu ($\text{min}=2.22$, $\text{sp}=1.07$). Keseluruhan min item bagi kemahiran bertutur ialah berada pada tahap tinggi ($\text{min}=3.47$, $\text{sp}=0.57$).

Jadual 8 Kemahiran Bertutur

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Pensyarah saya meminta pelajar menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari	3.98	0.91	Tinggi
2	Pensyarah saya meminta pelajar menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari mengikut makhraj yang betul	4.02	0.87	Tinggi
3	Pensyarah saya meminta pelajar mengulangi perkataan bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku	3.28	1.04	Sederhana
4	Pensyarah saya meminta pelajar menuturkan ayat bahasa Arab yang dipelajari	3.96	0.86	Tinggi
5	Pensyarah saya meminta pelajar mengulangi ayat bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku.	3.23	1.02	Sederhana
6	Pensyarah saya meminta pelajar menjalankan perbualan dalam bahasa Arab bersama rakan tanpa melihat buku.	3.50	1.05	Tinggi
7	Pensyarah saya meminta pelajar bercakap di hadapan kelas dalam bahasa Arab tanpa melihat buku atau teks.	3.43	1.16	Tinggi
8	Pensyarah saya memastikan pelajar memahami apa yang disebut atau dituturkan dalam bahasa Arab	4.14	0.81	Tinggi
9	Pensyarah saya meminta pelajar menyebut secara lisan gambar yang dipaparkan dalam bahasa Arab	3.48	0.98	Tinggi
10	Pensyarah saya meminta pelajar bercerita dalam bahasa Arab mengenai gambar atau iklan yang dipamerkan	3.27	1.10	Sederhana
11	Pensyarah saya meminta pelajar menjawab secara lisan soalan kefahaman petikan bahasa Arab yang dikemukakan tanpa melihat buku	3.22	1.00	Sederhana
12	Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika mengulangi sebutan Pensyarah	2.62	1.01	Sederhana
13	Pensyarah saya meminta pelajar menyebut ayat dalam bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul tanpa melihat buku.	3.15	1.08	Sederhana
14	Pensyarah saya memberi peluang kepada pelajar bertutur bahasa Arab	4.16	0.82	Tinggi

15	Pensyarah saya tidak banyak membuat pembedaan kesalahan di dalam pertuturan bahasa Arab	2.22	1.07	Rendah
16	Pensyarah saya menuturkan ayat bahasa Arab yang mudah diikuti oleh ayat yang susah	3.85	0.93	Tinggi
Min Keseluruhan		3.47	0.57	Tinggi

Jadual 9 menunjukkan tahap kemahiran membaca pelajar. Item no 1 dan 5 iaitu “Pensyarah saya membimbing pelajar membaca perkataan bahasa Arab dengan sebutan yang betul” dan “Pensyarah saya memastikan pelajar memahami makna perkataan atau petikan bahasa Arab yang dibaca” berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu masing-masing (min=4.31, sp=0.73) dan (min=4.26, sp=0.74). Manakala item no 2, 3, 4, 6, 7, 8 dan 9 berada pada tahap yang tinggi. Min keseluruhan bagi kemahiran membaca ialah berada pada tahap tinggi iaitu (min=3.91, sp=0.60).

Jadual 9 Kemahiran Membaca

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Pensyarah saya membimbing pelajar membaca perkataan bahasa Arab dengan sebutan yang betul	4.31	0.73	Sangat Tinggi
2	Pensyarah saya meminta pelajar membaca perkataan bahasa Arab dengan bacaan yang kuat berulang kali	3.59	1.06	Tinggi
3	Pensyarah saya membimbing pelajar membaca ayat bahasa Arab dengan sebutan, nada dan intonasi yang betul	4.14	0.84	Tinggi
4	Pensyarah saya meminta pelajar membaca ayat bahasa Arab dengan bacaan yang kuat dan jelas	3.97	0.93	Tinggi
5	Pensyarah saya memastikan pelajar memahami makna perkataan atau petikan bahasa Arab yang dibaca	4.26	0.74	Sangat Tinggi
6	Pensyarah saya meminta pelajar membaca petikan bahasa Arab secara senyap sebelum mengemukakan soalan kefahaman	3.61	1.03	Tinggi
7	Pensyarah saya meminta pelajar membaca teks bahasa Arab dan melakonkannya semula dalam kemahiran membaca dan kefahaman	3.54	1.03	Tinggi
8	Pensyarah saya meminta pelajar membaca teks bahasa Arab kemudian menjawab soalan kefahaman	4.13	0.80	Tinggi
9	Pensyarah saya meminta pelajar membaca teks bahasa Arab kemudian menulis isi penting yang telah dibaca	3.67	1.01	Tinggi
Min Keseluruhan		3.91	0.60	Tinggi

Jadual 10 menunjukkan kemahiran menulis pelajar. Bagi bahagian ini, semua item berada pada tahap yang tinggi kecuali item no 10 iaitu "*Pensyarah saya meminta pelajar menulis karangan pendek bahasa Arab berdasarkan lukisan atau gambar*" dan item no 14 iaitu "*Saya menulis karangan bahasa Arab berdasarkan tajuk yang dipilih sendiri*" berada pada tahap yang sederhana iaitu masing-masing (min=3.30, sp=1.09) dan (min=3.21, sp=1.17). Min keseluruhan bagi kemahiran menulis berada pada tahap yang tinggi iaitu (min=3.66, sp=0.59).

Jadual 10 Kemahiran Menulis

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Pensyarah saya mengajar pelajar menyalin huruf mengikut kaedah penulisan bahasa Arab yang betul	3.64	1.07	Tinggi
2	Pensyarah saya mengajar pelajar menyalin perkataan mengikut ejaan bahasa Arab yang betul	3.92	0.93	Tinggi
3	Pensyarah saya mengajar pelajar menulis ayat menurut kaedah tatabahasa bahasa Arab	4.06	0.84	Tinggi
4	Pensyarah saya mengajar pelajar menulis ayat menurut tanda bacaan bahasa Arab yang betul	4.02	0.84	Tinggi
5	Pensyarah saya melatih pelajar menulis ayat bahasa Arab bermula dengan paling mudah, sukar dan paling sukar	3.90	0.88	Tinggi
6	Pensyarah saya memperdengarkan sebutan perkataan bahasa Arab dan pelajar menulisnya (imla') tanpa melihat buku	3.47	1.01	Tinggi
7	Pensyarah saya memperdengarkan ayat bahasa Arab dan pelajar menulisnya tanpa melihat buku	3.44	1.02	Tinggi
8	Pensyarah saya meminta pelajar mengisi perkataan yang diberikan di tempat kosong dalam ayat	3.87	0.87	Tinggi
9	Pensyarah saya meminta pelajar mengisi perkataan sendiri di tempat kosong dalam ayat	3.78	0.91	Tinggi
10	Pensyarah saya meminta pelajar menulis karangan pendek bahasa Arab berdasarkan lukisan atau gambar	3.30	1.09	Sederhana
11	Pensyarah saya meminta pelajar menterjemah ayat ke dalam bahasa Arab secara bertulis	3.67	0.93	Tinggi
12	Pensyarah saya membimbing pelajar menulis karangan bahasa Arab menggunakan isi- isi yang disediakan	3.44	1.06	Tinggi

13	Saya menulis karangan bahasa Arab berdasarkan tajuk yang diberikan	3.46	1.12	Tinggi
14	Saya menulis karangan bahasa Arab berdasarkan tajuk yang dipilih sendiri	3.21	1.17	Sederhana
Min Keseluruhan		3.66	0.59	Tinggi

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian terhadap empat tahap kemahiran asas bahasa Arab, kemahiran bertutur, membaca dan menulis berada pada tahap yang tinggi. Namun, kemahiran mendengar berada pada pada tahap yang sederhana. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Sperry Corporation (Martel 1984) mendapati bahawa manusia menggunakan 80 peratus (%) dari waktu sedarnya untuk berkomunikasi, dan daripada jumlah itu 45% digunakan untuk mendengar, 30% untuk bertutur, 16% untuk membaca, dan 9% untuk menulis. Sekaligus, ini menunjukkan bahawa aspek pendengaran memainkan peranan utama penerimaan maklumat.

Wan Izzuddin & Wan Hasni (1991) memberikan pandangan bahawa ramai pelajar tidak mempunyai kemahiran mendengar yang baik disebabkan mereka tidak memberikan daya tumpuan yang jitu terhadap guru yang sedang mengajar di dalam kelas. Kadang-kadang pelajar gagal memberikan perhatian kepada guru kerana mereka menjalankan aktiviti lain semasa mendengar seperti menulis, mencatat nota dan ada pula yang cuba membaca buku. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Barr, Dittmar, Roberts dan Sheraden (2002) juga menunjukkan pelajar-pelajar tidak begitu mempamerkan kemahiran mendengar yang baik. Antara perkara yang negatif yang berkaitan dengan kemahiran mendengar ialah pelajar-pelajar kurang membuat hubungan mata dengan penceramah (52%), tingkah laku yang kurang menyenangkan (18%), meminta guru mengulang arahan-arahan (13%), tidak mempunyai kebolehan untuk menjayakan sesuatu tugas yang diberikan (11%), dan gaya kedudukan tidak mencerminkan gaya kemahiran mendengar yang berkesan.

Hal ini juga berkemungkinan pensyarah kurang memberi penekanan kepada kemahiran mendengar berbanding dengan kemahiran-kemahiran lain. Kajian Wolff, Marsnik, Tacey dan Nichols (1983) mendapati 52% penekanan pengajaran di dalam kelas untuk kemahiran membaca dan 8% sahaja untuk kemahiran mendengar. Weiten dan Lloyd (1994) pula menyatakan bahawa latihan kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang kurang diberi perhatian dalam latihan kemahiran komunikasi, sedangkan seseorang itu menggunakan masa jauh lebih banyak untuk mendengar berbanding bertutur. Nunan (1999) mendapati kemahiran mendengar sering diabaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua di mana ia lebih banyak tertumpu kepada penguasaan kemahiran bertutur.

Menurut Nik , Zamri & Kamarulzaman (2008), guru bahasa Arab harus memainkan peranan mereka dengan cara memupuk diri pelajar agar lebih berminat mempelajari bahasa Arab, khususnya menerusi kemahiran mendengar bahasa Arab. Bagi memastikan pelajar dapat memahami teks dan menguasainya maka latihan kemahiran berbahasa perlu dimulakan dengan latihan kemahiran mendengar pada teks bahasa Arab secara intensif dan komprehensif. Ini kerana pengaruh bahasa ibunda pelajar turut memberi kesan semasa proses pembelajaran bahasa kedua mereka. Malah guru bahasa Arab juga hendaklah peka dan perihatin terhadap aspek-aspek kelemahan yang dihadapi pelajar semasa proses pengajaran yang melibatkan kemahiran mendengar teks bahasa Arab (Aisah, 2012). Guru-guru hendaklah membimbing pelajar-pelajar supaya bertanggungjawab dan mengambil

daya inisiatif mempelajari kemahiran mendengar bahasa Arab dengan belajar sendiri tanpa guru secara perbincangan bersama rakan-rakan dan menggunakan sumber-sumber pembelajaran yang lain.

KESIMPULAN

Bahasa Arab merupakan bahasa kedua kepada pelajar-pelajar. Dengan itu mereka susah untuk berfikir, bercakap, melahirkan idea dan berinteraksi dalam bahasa ini. Banyak faktor yang perlu diambil kira seperti teknik dan cara penyampaian guru, persekitaran, minat pelajar dan sebagainya. Faktor-faktor ini mempunyai peranan yang tersendiri dalam menggugat prestasi penguasaan bahasa Arab pelajar-pelajar berkenaan. Sesungguhnya kepelbagaian teknik dan kaedah pengajaran Bahasa Arab perlu didedahkan kepada para pengajar dan bakal pengajar Bahasa Arab agar mereka menggunakan pedagogi yang betul semasa mengajar kemahiran asas bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis kepada pelajar.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Ab. Halim Mohammad. 2009. *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 1(1).

Aisah Binti Hasnam. 2012. Pengalaman guru bahasa arab menggunakan teks yang berbeza jenis dalam pengajaran kemahiran mendengar peringkat permulaan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. m/s 15-33.

Alias Baba. 1999. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. 2012. Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, p15-33.

Barr, L., Dittmar, M., Roberts, E. & Sheraden, M. 2002. Enhancing student achievement through the improvement of listening skills. Research Project. Saint Xavier University, Chicago, Illinois.

Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman. 2008. Pengabaian Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Bilik Darjah di Sekolah Menengah: Punca, Masalah dan Kesannya di Malaysia. *SOSIOHUMANIKA*, 1(1), p. 167-192.

Ibtisam Abdullah & Zamri Ahmad. 2012. Pengajaran kemahiran mendengar bahasa arab sebagai bahasa kedua. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, p. 75-81.

Kamarudin Hj. Husin. 1986. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Subang Jaya: Sarjana.

- Kenneth Beare. 2009. *The Challenge of Teaching Listening Skills*. Dicapai pada 29 Julai 2012 daripada <http://esl.about.com/cs/teachlistening/a/a-tlisten.htm>.
- Martel, M. 1984. *Before you say a word: The executive guide to effective communication*. New Jersey: Englewood Cliffs, Prentice Hall Inc.
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. 2012. Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab: kajian di Pusat Asasi UIAM. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, p. 139-155.
- Nik Mohd Rahimi. 2003. Pengajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab: Antara tradisi dan inovasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 3)*, p. 200-213.
- Nik Mohd Rahimi. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi. Tesis Dok. Fal. Fakulti Pendidikan, Bangi UKM.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod & Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan 33*: 3-18.
- Nunan, D. 1999. *Second language: Teaching and learning*. Boston: Heinle & Heinle Publishers.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman & Wan Hasni Wan Sulaiman. 1991. *Strategi belajar yang berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services.
- Weiten, W. & Lloyd, M. A. 1994. *Psychology applied to modern life*. 4th Edition. California: Brooks/Cole Publishing Com.
- Wolff, F. I., Marsnik, N. C., Tacey, W. S. & Nichols, R. G. 1983. *Perceptive listening*. New York: CBS College Publishing.
- Yahya Othman. 2005. *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuantan: PTS Profesional.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman. 2011. Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies 67*. Volume 11(2).